

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Selasa, 10 Disember 2019 8:49 pg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: BAKAL GURU HASILKAN PRODUK INOVASI – BELAJAR SAMBIL BERMAIN



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

10 DISEMBER 2019 / 13 RABIULAKHIR 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

Gambar oleh: SEML

BAKAL GURU HASILKAN PRODUK INOVASI – BELAJAR SAMBIL BERMAIN

UUM ONLINE: Seramai 38 mahasiswa Program Pascasiswazah Pendidikan (PGDE), Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden (SEML), berjaya menghasilkan produk inovasi pembelajaran berasaskan permainan sebagai persediaan bakal guru menghadapi evolusi pendidikan yang kian mencabar.

Usaha ini direalisasikan melalui kursus Teknologi dan Inovasi dalam Pendidikan di bawah penyeliaan Dr. Siti Nazuar Sailin dan Dr. Farah Mohamad Zain.

Penyelaras Program PGDE, Dr. Siti Nazuar berkata, SEML, UUM CAS komited untuk menghasilkan bakal guru tersedia masa hadapan seiring dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0.

“Sejajar dengan hasil pembelajaran kursus tersebut, mahasiswa telah terlibat secara aktif dalam proses merekabentuk produk inovasi bagi menyelesaikan masalah pembelajaran Matematik dan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar sekolah menengah rendah.

“Mahasiswa telah membangunkan produk inovasi kumpulan masing-masing berdasarkan kepada fasa-fasa penyelesaian masalah *design thinking* iaitu empati, kenali masalah, pembentukan idea, pembangunan prototaip dan percubaan,” katanya

Jelasnya, produk pembelajaran berasaskan permainan yang dihasilkan turut mengintegrasikan teknologi digital seperti pengaturcaraan web, aplikasi *mobile*, *Augmented Reality* dan *QR Code* dalam penghasilan produk masing-masing sesuai dengan isi kandungan dan hasil pembelajaran kursus.



Lebih membanggakan sembilan produk inovasi bertanding di *Sintok International Games and Gamification (SIGG)* 2019, di Dewan Muadzam Shah, UUM dan berjaya merangkul Pingat Emas bagi produk BMOmatic dan AMathZing yang turut merangkul *Best Award*.

Mahasiswa, Hui Ling dan pasukannya yang mencipta *AMathzing* berkata, mereka mengambil masa kurang dua bulan untuk menghasilkan produk permainan digital yang lengkap dan sedia untuk dipasarkan secara CD-ROM.

Beliau berharap produk yang dihasilkan tidak akan berhenti setakat ini sahaja kerana berpotensi dikomersilkan dan membantu para pelajar untuk menguasai Matematik.

Selain itu, dua produk iaitu *CongMath* dan *PRO Racing BM* telah berjaya merangkul Pingat Perak, manakala 5 lagi produk *SCOG (Spin & Count Game)*, *Explorasi DKLIA Peribahasa*, *Permainan Ejaan Tatabahasa (P.E.T.A)*, *PIE (Proverb is Easy)* dan *GoalMath* membawa pulang Pingat Gangsa.

Menurut Dr. Farah, penyertaan pelajar di dalam pertandingan inovasi merupakan salah satu kaedah pembelajaran transformatif yang diperkenalkan oleh pensyarah kursus ini. Melalui penyertaan seperti ini mahasiswa dapat mempamerkan produk inovasi yang dibangunkan kepada komuniti pengguna yang lebih luas serta mendapat maklumbalas penambahbaikan daripada pakar penilai luar. Pengalaman ini sangat bermakna serta memberi nilai tambah kepada bakal guru.

“Sepanjang proses penghasilan produk inovasi sehinggalah pada hari pertandingan, mahasiswa telah berjaya menampilkan kemahiran 4C iaitu kreativiti, komunikasi, kerjasama dan pemikiran kritikal.

“Kemahiran ini sangat penting sebagai persediaan bakal guru menghadapi evolusi pendidikan yang kian mencabar,” katanya.

Manakala Dekan SEML, Prof. Madya Dr. Fauziah Abdul Rahim menyokong usaha pro-aktif para pensyarah untuk mengetengahkan pendekatan pembelajaran transformatif ini sebagai langkah untuk menghasilkan guru tersedia masa hadapan yang berupaya menjadi perekabentuk pembelajaran inovatif.

“Usaha dalam mempersiapkan guru masa hadapan seperti ini yang dilaksanakan diperingkat pascasiswazah harus dilaksanakan dalam semua program termasuk diperingkat sarjana muda sebagai pemangkin kepada kemenjadian graduan dan seterusnya melahirkan guru cemerlang tersedia masa hadapan,” katanya.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.